

19 IPT ditauliah pensijilan ISO 9000

Oleh Mohd Azrone Sarabatin

SEHINGGA 15 November lalu, Sirim Berhad mentauliah pensijilan Standard Pertubuhan Antarabangsa bagi kategori Sistem Pengurusan ISO 9000 kepada 19 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS).

Daripada jumlah itu, lapan IPTA manakala 11 lagi IPTS. Penganugerahan itu membabitkan pensijilan ISO 9001:1994, ISO 9002:1994, ISO 9001:2000, ISO 9001:1994, ISO 9002:1994 dan ISO 9001:2000.

Bagaimanapun, pensijilan itu tidak membabitkan keseluruhan institusi pengajian tinggi berkenaan, sebaliknya merangkumi bahagian tertentu seperti penyelidikan, perkhidmatan, pentadbiran dan pengurusan.



DR MOHD ARIFFIN

Presiden dan Ketua Eksekutif Sirim Berhad, Datuk Dr Mohd Ariffin Aton, berkata Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menerima paling banyak iaitu lima pensijilan.

Ini diikuti Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Tekno-

logi Mara (UiTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), masing-masing dua pensijilan.

Beliau berkata, tiga lagi IPTA yang masing-masing menerima satu pensijilan ialah Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS).

Bagi IPTS, Dr Mohd Ariffin berkata, lapan menerima ISO 9002:94, diikuti ISO 9002 (dua) dan ISO 9001:94 (sebuah).

Beliau berkata, penerima ISO 9002 ialah Kolej Inti menerusi bidang pendidikan tinggi, iaitu siswazah dan pascasiswazah, penyelidikan, hospital veterinar, pakar runding, pendidikan lanjutan dan perkhidmatan sokongan.

Taylor College Sdn Bhd juga menerima pensijilan sama bagi bidang akademik membabitkan prauni-

versiti, level tertier meliputi Program A Level Cambridge, Matrikulasi Australia Selatan dan Prauniversiti Kanada serta peruntukan perkhidmatan sokongan.

"Penerima ISO 9001:94 ialah International College of Music menerusi skop reka bentuk kurikulum dan pembangunan program serta pendidikan muzik daripada sijil kepada siswazah," katanya.

Sementara itu, lapan IPTS lagi yang menerima pensijilan ISO 9002:94 ialah Asia Pasifik Institut of Information Technology dengan skop kursus pendidikan dan latihan dalam teknologi maklumat (IT) serta perniagaan membabitkan peringkat sijil, ijazah pertama dan pascasiswazah.

Institut Sarjana Sdn Bhd (latihan pendidikan merangkumi sijil dan diploma, program berkembar pe-

ringkat ijazah sarjana muda dan perkhidmatan sokongan untuk program sarjana) dan Kolej Tafe Seremban (perkhidmatan pendidikan dan latihan).

Kolej Informatics (IT dalam dua bidang, iaitu pendidikan IT untuk diploma, diploma lanjutan dan pemindahan kredit sementara satu lagi latihan IT bagi kursus pendek).

Ikip Education Sdn Bhd (pendidikan tinggi, latihan dan perkhidmatan sokongan pendidikan), Kolej Inti Malaysia (pendidikan membabitkan sijil, diploma dan ijazah pertama), Akademi Infotech Mara, Kuala Lumpur (kursus jangka pendek, jangka panjang membabitkan sijil, pradiploma, diploma dan diploma lanjutan) dan Kolej Inti Sarawak (pendidikan tertier peringkat sijil, diploma dan sarjana pertama).